

## Kesan pandemik beri dimensi baharu kemiskinan bandar

Berita HARIAN (22/05/2021) M15  
10

Oleh Dr Azmizam Abdul Rashid dan Dr Madeline Berma  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

**Pembangunan** dan perkembangan ekonomi negara selari peningkatan taraf sosioekonomi penduduk. Ekonomi semakin berkembang ialah instrumen paling berkesan ke arah mengurangkan kemiskinan, sekali gus mampu meningkatkan taraf hidup rakyat.

Pengukuran kemiskinan perlu diberikan perhatian penggubal dasar dalam merangka program pembasmian bersesuaian.

Kemiskinan bandar dicorakkan pelbagai kekurangan ketara yang dimensi utamanya merangkumi ketidakcukupan atau ketidakstabilan pendana-

kinan dan peningkatan taraf sosioekonomi.

COVID-19 memberi impak besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan. Ekoran itu, kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu, sekali gus memberi impak terhadap sektor pekerjaan.

Beberapa sektor pekerjaan terpaksa menghentikan operasi serta-merta dalam usaha mengekang penularan COVID-19. Penutupan perniagaan ketika PKP menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan, termasuk gaji pekerja sehingga terpaksa membuang pekerja.

Natijahnya, kenaikan kadar pengangguran pada suku tahun pertama, iaitu 3.9 peratus berbanding 3.3 peratus (2019).

PKP membentuk satu jenis kemiskinan yang jarang kita wacanakan dalam konteks Malaysia, iaitu dimensi baharu kemiskinan. Ia bermaksud

memungkinkan mengadaikan aset tertentu untuk menampung kos hidup.

Melalui kajian Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), hampir semua responden bekerja sendiri hilang punca pendapatan.

Perkara dibimbangkan responden ialah penyusutan simpanan kepada 65 peratus, peningkatan kos utiliti 37.3 peratus dan peningkatan hutang 27.2 peratus.

Simpanan juga ada yang tidak mampu bertahan, iaitu sebanyak 28 peratus hanya mampu bertahan dua minggu ke bawah dan bertahan dua hingga empat minggu (29.8 peratus).

Dalam konteks reaksi segera membendung kesan dimensi baharu kemiskinan bandar, kerajaan mengumumkan pelbagai langkah dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), sekali gus adalah keputusan tepat



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice Malaysia



Profesor Kehormat  
Universiti Malaysia  
Sarawak (UNIMAS)

kupan atau ketidakstabilan pendapatan isi rumah, perumahan berkualiti rendah, diskriminasi dan kemudahan terhad kepada pasaran buruh secara formal terutama wanita dan kumpulan etnik tertentu.

Dalam keadaan Malaysia semakin membangun, isi rumah B40 tidak wajar dipinggirkan dalam menikmati peluang daripada kemakmuran negara.

Hidup di bandar bermakna wang tunai perlu dijana sehingga menyebabkan golongan miskin perlu terbabit dalam pasaran pekerjaan. Bagaimanapun, wujud halangan utama dalam pasaran pekerjaan bukan kerana kekurangan penawaran atau peluang terhad, tetapi lebih kepada kekurangan

kemahiran diri, keupayaan ke tempat kerja disebabkan masalah pengangkutan dan kemudahan penjagaan anak serta isu sosial.

Pada 2019, pengiraan semula nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) melalui kajian Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), dikemas kini dengan mengambil kira pendapatan, simpanan, pendidikan, kesihatan dan dimensi lain lebih holistik.

Kadar baharu sebanyak RM2,208 sebulan bagi setiap isi rumah berdasarkan metodologi 2019 berbanding kadar RM980 sebulan mengikut metodologi 2005.

Melalui kadar baharu itu, 182,100 orang atau 12.4 peratus penduduk di luar bandar dikategorikan miskin, sekali gus lebih dua kali ganda berbanding kadar kemiskinan nasional, iaitu 5.6 peratus.

Jumlah penduduk bandar jatuh dalam kategori miskin lebih tinggi, iaitu 223,300 orang walaupun peratusnya jauh lebih sedikit (3.8 peratus). Ini memberi isyarat masalah miskin bandar masih perlu diberi perhatian.

Kadar PGK baharu ini bertepatan realiti kehidupan rakyat. Pada masa sama, pandemik COVID-19 membawa implikasi besar terhadap taraf sosioekonomi sebahagian rakyat.

Kadar baharu bertepatan realiti semasa akan membolehkan strategi dan pendekatan lebih tepat dirangka dalam pelaksanaan dasar dan program kerajaan khususnya berkaitan pembasmian kemis-

kin atau dimensi baharu kemiskinan. Ia bermaksud seseorang miskin disebabkan keadaan tertentu tidak dijangka dan menyebabkan kehilangan punca pendapatan.

Dalam konteks dimensi baharu kemiskinan bandar, COVID-19 menjejaskan pendapatan banyak pihak, termasuk kehilangan pekerjaan atau mendapat gaji separuh.

Ini memanifestasikan pekerja bukan sahaja tidak lagi mempunyai sumber pendapatan atau pendapatan dikurangkan, tetapi mula dihimpit dengan hutang serta tidak mempunyai simpanan cukup.

Kehilangan punca pendapatan dan dibebani komitmen kewangan, memberi kesan besar kepada keseluruhan hidup. Mereka mempunyai pilihan terhad sambil berusaha mencari pekerjaan baharu. Antara pilihannya, mengurangkan perbelanjaan, menggunakan simpanan, meminjam dan



Peniaga kecil terjejas akibat pandemik tambah jumlah miskin bandar.

kali gus adalah keputusan tepat.

Langkah terbabit bukan sahaja boleh mengurangkan kebarangkalian individu tertentu terjebak dalam dimensi baharu kemiskinan, malah membantu individu miskin situasi untuk bertahan sementara dan seterusnya mengatur langkah untuk kembalikan kehidupan asal.

Berikutan penguatkuasaan PKP berpanjangan juga, ia turut menyingkap kerapuhan kewangan rakyat lebih-lebih lagi yang hanya bergantung pada perniagaan kecil.

Kesan wabak ini, kita melihat kemunculan golongan 'miskin baharu' atau golongan 'miskin berbeza'. Kajian Bank Dunia pada tahun lalu menunjukkan kumpulan miskin baharu, iaitu golongan yang dahulunya dalam kategori 'bukan-miskin', kini jatuh miskin akibat krisis.

Sudah tentu tidak mudah menguruskan masalah klasifikasi kemiskinan ketika setiap antara kita perlu memberi keutamaan pada pembasmian COVID-19.

Sekiranya isu pengukuran kemiskinan wujud daripada pelbagai dimensi ini tidak diusahakan, negara akan terus berdepan isu sama, iaitu bantuan gagal disalurkan kepada kumpulan sasar tepat jika kita sekali lagi terpaksa mengharungi badai bencana tanpa data tuntas.

Malaysia merangka Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan pencapaian matlamat pembangunan mampan 2030 (SDG) sebagai pelan lonjakan kemajuan negara.

Namun, COVID-19 memberi implikasi besar kepada sektor ekonomi dan pembangunan negara. Agenda membasmi kemiskinan negara mungkin sukar dicapai memandangkan seluruh dunia berdepan penularan pandemik.

Ketika Forum Bandar Malaysia 2020 (MUF) anjuran Urbanice Malaysia pada 27 hingga 28 September tahun lalu, isu kemiskinan bandar antara topik perbincangan utama sebagai pencapaian agenda pembangunan mampan.

Negara sedang berusaha bagi mencapai agenda berkenaan terutama membasmi kemiskinan dan 16 SDG lain. Antara cadangan menangani kemiskinan bandar, memperkasa dan mempertingkatkan daya tahan golongan miskin bandar, membangun dasar inklusif serta promiskin untuk pembangunan bandar dan membangun pangkalan data miskin bandar dinamik.